



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL CUTI
SAKIT JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI
HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
EDISI KEDUA**

Disediakan oleh:
Jawatankuasa Pengurusan dan Perkembangan O&G
Kementerian Kesihatan Malaysia
(JPPOBG)

Diselaraskan oleh:
Unit Perkhidmatan O&G dan Pediatrik
Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Januari 2024



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGELUARAN SIJIL CUTI SAKIT JABATAN O&G HOSPITAL-HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA EDISI KEDUA

PESAKIT OBSTETRIK

BERSALIN (POSTNATAL)

A. PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

- Pegawai hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin.

Nota-Nota Penerangan

1. Pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, samada bayi itu hidup ataupun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan Pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.
2. Kelayakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Cuti Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.5.4.1:
 - a. Kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah sebanyak 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan seorang Pegawai.
 - b. Tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, Pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran dan
 - c. Cuti Bersalin bermula pada tarikh Pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, Pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

3. Bagi Pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, Pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan seperti yang terkandung di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Cuti Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.5.4.1.**
4. Bagi Pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, Pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan seperti yang terkandung di dalam **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Cuti Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.5.4.1.**

B. PEKERJA SEKTOR SWASTA

- Untuk pekerja sektor swasta, kelayakan Cuti Bersalin Pegawai tertakluk kepada kontrak kerja masing-masing. Pegawai Perubatan hanya perlu mengeluarkan surat akuan tarikh bersalin.

ANTENATAL

Selama tempoh kemasukan wad sehingga:

- a. Bersalin ATAU
- b. Tarikh janji temu semula (tidak melebihi 2 minggu)

PESAKIT GINEKOLOGI

1. Tempoh cuti sakit adalah berdasarkan kepada tahap kesihatan pesakit dan penilaian klinikal Pegawai Perubatan.
2. Cuti sakit untuk prosedur minor adalah kurang dari 2 minggu dan prosedur major dari 2 hingga 6 minggu.

Nota:

1. Pakar O&G boleh atas budi bicara menyambung cuti sakit seseorang pesakit sekiranya beliau mendapati pesakit itu masih kurang sihat sehingga lawatan susulan seterusnya.
2. Peraturan Cuti Bersalin yang tercatat di atas adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Kemudahan Cuti Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.5.4.1.